



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“ KEMULIAAN LELAKI; KESEMPURNAAN TANGGUNGJAWAB ”

19 November 2021 / 14 Rabiul Akhir 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ رَبِّ الْعَالَمِينَ، اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ عَلَى نِعْمَةِ الْاِسْلَامِ وَالْاِيْمَانِ، وَلَكَ الْحَمْدُ اَنْ
جَعَلْتَنَا مِنْ اُمَّةٍ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ ﷺ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَاَشْهَدُ
اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى اٰلِهِ
وَصَحْبِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ³ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ اِلَّا وَانْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik dan beroleh kejayaan di dunia mahupun di akhirat. Khatib akan membicarakan khutbah bertajuk: “**KEMULIAAN LELAKI; KESEMPURNAAN TANGGUNGJAWAB**”.

Allah Subhanahu Wata’ala memuliakan kedudukan setiap insan berdasarkan peranan yang ditetapkan sesuai dengan kekuatan fizikal, emosi dan intelek. Lelaki dan wanita pada dasarnya adalah setaraf; keupayaan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah akan menentukan tahap keunggulan dan kewibawaan seseorang di sisi Penciptanya. Allah Subhanahu Wata’ala tidak pernah membezakan peluang mendapat redha Nya, sama ada lelaki mahupun wanita, melainkan kedudukan siapa yang paling bertakwa. Namun, Allah Subhanahu Wata’ala telah menciptakan perbezaan sifat-sifat lelaki dan wanita untuk memenuhi peranan-peranan yang berbeza.

Al-Rijal, bermaksud lelaki, ialah kata jamak (ramai) yang berasal daripada perkataan al rajul (seorang lelaki). Terdapat 25 ayat Al Quran yang menyebut kalimah al Rijal dan menurut ulama’ ahli tafsir, walaupun Al Quran menggunakan kalimah al rijal yang dikhususkan kepada lelaki, kadangkala maknanya boleh menjadi umum termasuk golongan wanita. Kaedah ini disebut lafaz khas (khusus) dengan makna am (umum).

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Hari lelaki sedunia telah diinspirasikan oleh masyarakat dunia selepas mereka menyambut Hari Wanita sedunia. Hari lelaki sedunia dimulakan secara rasmi pada 19 November 1999 di Trinidad dan Tobago. Tujuan utama sambutan hari lelaki sedunia ialah untuk memberi fokus kepada kesihatan, memperbaiki hubungan antara jantina, mempromosi kesamarataan jantina, dan menonjolkan contoh ikutan dalam kalangan lelaki.

Allah Subhanahu Wata'ala yang mencipta seluruh makhluk, sudah pasti turut mempersiapkan panduan agar hamba-hamba Nya dapat menjalani kehidupan dengan baik lagi sempurna. Penekanan terhadap penjagaan kesihatan mental dan fizikal, hubungan yang harmonis dan baik sesama manusia, pandangan saksama Allah kepada lelaki dan wanita, serta menunjukkan lelaki sebagai contoh ikutan, merupakan prinsip dan dasar yang telah dijelaskan melalui Al-Quran, As-Sunnah dan catatan sirah.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Apa yang lebih utama, ialah watak sebenar seorang rijal dalam Al Quran adalah bersifat pemimpin. Firman Allah SWT surah An-Nisa' ayat 34 berbunyi:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ ...

Ibnu Kathir menerusi kitabnya Tafsir Ibnu Kathir berkata:

“Maksud (الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ) adalah lelaki diperintahkan untuk mengurus wanita, yakni pemimpin, ketua, yang menguasai, dan mendidiknya jika menyimpang.”

Dalam kitab tafsir Al-Aisar, Al-Jazaairi menguatkan lagi makna ayat tersebut yang menjelaskan bahawa lelaki adalah pemimpin terhadap wanita, yang melindungi, mendidik, dan memperbaiki kesalahan; kerana lelaki diberikan akal yang lebih sempurna dibandingkan wanita, ilmunya lebih luas dibandingkan ilmu wanita; dan pada kebiasaannya pandangan serta pertimbangannya terhadap sesuatu masalah, lebih mendalam, lebih matang dan lebih objektif.

Manakala ayat (بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ) yakni keutamaan lelaki ke atas wanita disebabkan beberapa faktor, seperti kepimpinan peringkat kenabian dan kerasulan yang dikhususkan pada lelaki, begitu juga kewajipan berjihad dalam peperangan dan bersolat Jumaat; di samping keistimewaan-keistimewaan tertentu yang Allah kurniakan kepada lelaki antaranya kestabilan dan ketenangan emosi serta kekuatan fizikal. Nabi Sallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda:



أَلَا كَلَّمْتُمْ رَاعٍ، وَكَلَّمْتُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ، وَهُوَ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ.

Maksudnya: Ketahuilah setiap daripada kamu ialah pemimpin. Dan setiap pemimpin bertanggungjawab atas orang yang dipimpinnya. Ketua yang diamanahkan atas rakyatnya akan ditanya tentang rakyatnya. Lelaki yang diamanahkan atas ahli keluarganya akan ditanya tentang tanggungjawab terhadap mereka (di akhirat).

(Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Peranan dan tanggungjawab seorang lelaki dapat memperkasakan pembangunan ummah dan daulah. Seorang lelaki hendaklah bertanggungjawab menjaga ibu bapanya, memimpin dan membimbing seluruh ahli keluarga, melindungi dan menjaga kebajikan saudara-saudara perempuannya berdasarkan kelebihan yang telah Allah Subhanahu Wata'ala anugerahkan kepada lelaki.

Apabila tanggungjawab ini tidak berada di atas landasan yang sebenar, maka anak-anak lelaki pada hari ini, ada yang telah mengabaikan tanggungjawab menjaga ibu bapa dan orang-orang yang berada di bawah amanah tanggungannya. Malah, dilaporkan ada yang tergamak melakukan perkara sumbang, merogol anak dan adik perempuan sendiri, yang sepatutnya dijaga dan dilindungi. Suami dan bapa menyalahgunakan kuasa terhadap isteri dan anak-anak sehingga tercetusnya krisis dan pergolakan rumah tangga. Saudara-saudara perempuan yang kehilangan tempat bergantung dibiarkan tanpa pertolongan, anak-anak yang ibu bapa mereka telah meninggal dunia, tidak mendapat pembelaan sewajarnya daripada para wali; tanpa rasa ihsan, anak-anak ini ditinggalkan di rumah anak-anak yatim. Ternyata kelebihan yang Allah kurniakan kepada lelaki, berbentuk kepimpinan, kuasa wali atau pelindung, kelebihan warisan faraid dan sebagainya, telah tidak dipenuhi menurut hukum berpandukan ketetapan Ilahi.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Pemimpin wajib menunjukkan contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang berada di bawah pimpinannya. Menunjukkan contoh teladan mulia, merupakan salah satu sifat utama Rasulullah SAW. Sifat-sifat terpuji Rasulullah SAW sebagai suami, bapa, sahabat dan pemimpin hendaklah dijadikan sumber rujukan seseorang lelaki ketika menyempurnakan tugas-tugas yang diamanahkan agar mendapat keredaan Ilahi.



Kelebihan anugerah Allah kepada lelaki, hendaklah dihargai dengan sifat-sifat kesyukuran yang mematuhi setiap perintah Allah Subhanahu Wata'ala berlandaskan ajaran-ajaran yang terkandung dalam al-Quran, serta contoh teladan berpandukan Sunah Rasulullah SAW. Hakikatnya, semakin banyak anugerah Allah ke atas seseorang, maka semakin banyaklah amanah dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْكَرِيمِ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menegaskan bahawa sekiranya peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah SWT, dilaksanakan dengan jujur dan amanah, maka terserlah kemuliaan dan keunggulan ar-rijal, yang akan meningkatkan 'izzah Islam. Sebaliknya, jika peranan dan tanggungjawab ini, disalah guna untuk melemah dan memperkecilkan pihak lain, sudah pasti akan mencetuskan pelbagai fitnah dan tohmahan yang memberikan gambaran buruk terhadap ummah dan Islam.

Pengajaran yang kita boleh ambil pada hari ini:

Pertama: Lelaki dan wanita mempunyai kedudukan yang sama menurut Islam. Sifat takwa yang menjadi ukuran kemuliaan manusia di sisi Allah.

Kedua: Allah SWT mengurniakan beberapa kelebihan kepada lelaki untuk kita tunaikan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikhususkan kepada orang lelaki.

Ketiga: Kelebihan tertentu anugerah Ilahi kepada lelaki, janganlah disalahgunakan untuk menindas mereka yang lemah yang perlu dilindungi dan diberikan pembelaan.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَاللَّفَ بَيْنَ
قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَتُّهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ اكشِفْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ، يَا عَالِمَ كُلِّ خَفِيَّةٍ، يَا صَارِفَ كُلِّ بَلِيَّةٍ، نَدْعُوكَ بِمَا اشْتَدَّتْ بِهِ
فَاقْتَنَّا، وَضَعَفَتْ قُوَّتُنَا، وَقَلَّتْ حِيلَتُنَا.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ
وَالْبُخْلِ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.